Pada 7 Januari 2019, PUSPANITA Jabatan Laut Malaysia telah menganjurkan Lawatan Sambil Belajar Sempena Pertukaran Kru Rumah Api ke One Fathom Bank. Lawatan ini juga merupakan 'Hadiah' untuk cabutan bertuah bersempena Majlis Makan Malam Puspanita Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) yang telah diadakan 27 April 2018 lalu di mana PUSPANITA RAC, JPJ dan MIROS seramai 7 orang telah memenangi hadiah tersebut.



Api One Fathom Bank tersebut.

Ahli rombongan seramai 15 orang telah berkumpul di Jabatan Laut Wilayah Tengah seawal 9.00 pagi. Sekitar jam 9.30 satu taklimat telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Laut Wilayah Tengah iaitu Kapt. Nazri bin Abu Hassan mengenai sejarah dan juga kepentingan rumah api tersebut. Perjalanan bergerak ke rumah api tersebut yang mengambil masa lebih kurang 2 jam. Sekitar jam 12.00, ahli rombongan tiba di Rumah

Rumah Api One Fathom Bank atau sebelum ini lebih dikenali sebagai Rumah Api Tanjung Sedepa, ianya dibina pada 1874. Namun pada tahun 1907 satu rumah api baru telah dibina yang dikenali sebagai Rumah Api One Fathom Bank.

Ahli rombongan dibawa menjelajah seluruh pelusuk dan hingga ke beberapa tingkat rumah api tersebut, Kemudian pihak Jabatan Laut Wilayah Tengah telah menyediakan juadah makan tengah hari. Setelah menjamu selera dan menunaikan solat Zohor, rombongan bertolak balik. Kru yang bertugas ditinggalkan untuk tempoh dua minggu dan kemudian akan digantikan dengan kru lain seterusnya. Perjalanan bertolak balik sekitar jam 2.30 petang dan tiba di Jeti Jabatan Laut Wilayah Tengah sekitar jam 5.00 petang.



Setibanya di jeti, ahli rombongan dibawa ke Jabatan Laut Wilayah Tengah untuk majlis minum petang dan dikesempatan itu juga telah diadakan majlis perpisahan untuk YBhg. Datin Seri Ruzainah yang akan berpindah mengikut Datuk Seri KSU ke Kementerian Wilayah dan 7hb Januari 2019 tersebut merupakan hari terakhir beliau bersama MOT. Majlis bersurai sekitar jam 5.30 petang.



Disediakan Oleh

Jabatan Laut Malaysia

PUSPANITA Cawangan Kementerian
Pengangkutan

LAPORAN AKTIVITI

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN KE-36

TARIKH : 15 FEBRUARI 2019
TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN



LAPORAN AKTIVITI

MAJLIS HI-TEA PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

TARIKH : 1 MAC 2019
TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA, KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN

PUSPANITA Jabatan Pengangkutan Jalan telah menganjurkan Majlis Hi Tea PUSPANITA Kementerian Pengangkutan Malaysia bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) yang telah berlangsung pada 15 Februari 2019 (Jumaat).



Majlis Hi Tea tersebut diadakan pada 1 Mac 2019 jam 3.00 petang dan bertempat di Dewan Serbaguna Aras 2, MOT, Putrajaya. Tema bagi majlis tersebut adalah warna 'PURPLE'. Seramai 230 kehadiran telah dicatatkan termasuk tetamu jemputan dan VIP setiap agensi di bawah MOT. Majlis tersebut juga turut dimeriahkan

dengan kehadiran YBhg. Datin Yushazlinda binti Yaacob, isteri Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia.



Selain Jamuan Makan, pelbagai aktiviti lain juga telah diadakan seperti Ratu PUSPANITA MOT 2019, 100 cabutan bertuah dan persembahan karaoke. Aktiviti-aktiviti ini telah berjalan lancar dan jayanya. Tetamu juga dilihat berpuashati dan bergembira sepanjang majlis dijalankan.

Majlis Hi Tea tersebut telah berakhir pada jam 6.30 petang.



Disediakan Oleh

Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia
PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan

LAPORAN AKTIVITI

LAWATAN KE KILANG COKLAT BERYL'S

TARIKH : 4 APRIL 2019
TEMPAT : KILANG COKLAT BERYL'S, BANDAR BARU BANGI

Lawatan ke Kilang Coklat Beryl's adalah anjuran bersama Bahagian Akaun, Kementerian Pengangkutan (MOT) dengan PUSPANITA Cawangan MOT. Seramai 33 orang peserta telah menyertai lawatan



setengah hari ini. Bas bergerak dari MOT jam 8.30 pagi dan tiba jam 9.00 pagi.



Setibanya di sana, peserta telah diberi penerangan berkaitan pembuatan coklat bermula dari sejarah coklat, bahan asas coklat, jenis coklat sehingga pemasaran coklat. Peserta juga turut dibawa melihat proses pembuatan coklat dan tayangan filem pendek berkaitan coklat. Selepas itu,

peserta di bawa ke pusat jualan bagi membolehkan pembelian coklat dibuat dan itu merupakan aktiviti terakhir bagi lawatan tersebut.



Disediakan Oleh
PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan

LAPORAN AKTIVITI

JALAN-JALAN MENGENALI NASYRUL QURAN

TARIKH : 18 APRIL 2019
TEMPAT : KOMPLEKS NASYRUL QURAN, PUTRAJAYA



Lawatan JALAN-JALAN MENGENALI NASYRUL QURAN dianjurkan oleh PUSPANITA MIROS dan RAC. Lawatan tersebut disertai oleh 72 peserta dan turut disertai oleh

Pengerusi
PUSPANITA

Cawangan Kementerian Pengangkutan (MOT) iaitu YBhg. Datin Maisarah binti Mokhtar, Timbalan Pengerusi 2 iaitu YBhg. Datin Seri Sity Mazlina binti Ahmad serta AJK Tetap iaitu YBhg. Datin Norwani Shariff (JKR) dan YBrS. Dr Siti Zahara binti Ishak (MIROS).



Lawatan tersebut diadakan bertujuan untuk melihat bagaimana proses Al-Quran dicetak dan dijilidkan di kompleks yang merupakan Kompleks Percetakan Al-Quran kedua terbesar di dunia. Kompleks ini bukan sahaja berfungsi sebagai pusat percetakan, bahkan menjadi pusat penyelidikan, pentafsiran, perteejemahan, penerbitan dan pengagihan Al-Quran. Terdapat



10 langkah dalam proses pembuatan Al-Quran antaranya pembangunan struktur dan motif, pengimbasan struktur, motif menggunakan perisian, strategi

pewarnaan dan lembaran penggunaan daun emas tulen. Ayat Al-Quran disalin oleh para penulis khat, kemudiannya disemak dan dihantar ke Bahagian KDN untuk pengesahan sebelum proses percetakan dibuat.



Peserta diberi taklimat mengenai Nasyul Quran dan melawat ruangan pameran yang mempamerkan pelbagai Mashuf dari seluruh dunia. Peserta juga turut berpeluang mewakafkan Al-Quran dan kertas cetakan dalam penghasilan Al-Quran.

Disediakan Oleh

MIROS dan RAC

PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan

LAPORAN AKTIVITI

MAJLIS TADARUS DAN KHATAM AL-QURAN 1440H 2019M

TARIKH : 17 MEI 2019
TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA, KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN



PUSPANITA MIROS dan RAC telah menganjurkan Majlis Tadarus Dan Khatam Al-Quran 1440H 2019M sempena ketibaan bulan Ramadhan 1440H di samping memupuk rasa kecintaan kepada Al-Quran dan menjalinkan hubungan silaturahim di kalangan ahli. Majlis tersebut bermula jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan (MOT) iaitu YBhg. Datin Maisarah binti Mohktar dan Timbalan Pengerusi iaitu YBrs. Puan Narisham binti Marzuki dan YBhg. Datin Sity Mazlina binti Ahmad. Majlis tersebut telah disertai oleh 131 orang ahli PUSPANITA dari pelbagai jabatan atau agensi di bawah MOT. Seramai 15 orang pembimbing dilantik dan



diketuai oleh Puan Hajah Siti Ramlah Abdul Rahim.

Setiap meja mempunyai seorang pembimbing untuk menyemak bacaan ahli kumpulan dan diberikan 2 juzuk. Bacaan secara bergilir-gilir untuk memberi peluang kepada peserta untuk membaca Al-Quran. Majlis berakhir dengan bacaan Khatam Al-Quran secara

beramai-ramai dan penyampaian cenderamata untuk pembimbing yang telah membantu untuk menyemak bacaan di Majlis tersebut. Majlis berjalan dengan lancar dan ahli PUSPANITA telah memberikan kerjasama yang baik. Majlis ini juga dapat membantu menggalakkan lagi amalan ibadah di bulan Ramadhan yang mulia.



Disediakan Oleh

MIROS dan RAC

PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan

LAPORAN AKTIVITI

JUALAN AMAL & PRA RAYA MOT 2019

TARIKH : 17 MEI 2019
TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA,
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN



PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah menganjurkan Jualan Amal dan Pra Raya MOT 2019.

Tujuan program ini diadakan bagi memberi peluang kepada ahli

PUSPANITA Cawangan MOT dan agensi untuk menjana pendapatan bagi persiapan hari raya nanti. Sebanyak 25 buah meja jualan telah dibuka. Antara produk yang dijual adalah makanan, pakaian, kuih muih dan jualan amal yang dikendalikan oleh AJK PUSPANITA sendiri. Pendapatan yang diperolehi dari jualan amal adalah berjumlah RM 1, 330.00. Waktu jualan adalah dari jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang. Yuran penyertaan bagi jualan ini adalah RM 20.00 bagi ahli Puspanita dan RM30.00 bukan ahli.





Hasil jualan meja pada hari tersebut adalah RM540.00. Penganjuran program tidak melibatkan sebarang kos. Sambutan yang diberikan oleh ahli

PUSPANITA Cawangan MOT untuk program tersebut adalah mengalakkan dan program akan diteruskan untuk masa-masa yang akan datang.

Disediakan Oleh,
PUSPANITA Cawangan
Kementerian Pengangkutan



LAPORAN AKTIVITI

PERASMIAN RUANGAN MENYUSU, BILIK PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

TARIKH : 21 JUN 2019

TEMPAT : BILIK PUSPANITA CAWANGAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Ruangan Menyusu di Bilik PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan (MOT) dirasmikan oleh Pengerusi PUSPANITA Cawangan MOT iaitu YBhg. Datin Maisarah binti Mokhtar. Perasmian tersebut turut dihadiri oleh ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan MOT dan wakil ibu yang menyusukan bayi. Perasmian dibuat pada jam 9.00 pagi.



YBhg. Mohd Khairul Adib bin Abd

Rahman selaku Penasihat PUSPANITA Cawangan MOT turut menyumbang sepasu bunga bagi diletakkan di Ruangan Menyusu tersebut. Cadangan mewujudkan Ruangan Menyusu adalah dari usul yang diterima dalam Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Cawangan MOT Ke-36. Dengan adanya ruangan tersebut diharap



dapat menggalakkan para ibu menyusukan bayi mereka serta dapat memberi keselesaan kepada para ibu tersebut.



LAPORAN AKTIVITI

PROGRAM CSR KE KG. ORANG ASLI PAYA LEBAR

TARIKH: 17 OGOS 2019

TEMPAT: KG. ORANG ASLI PAYA LEBAR, HULU LANGAT

Program

Tanggungjawab

Sosial Korporat (CSR)

ini dianjurkan oleh PUSPANITA RAC dan MIROS. Program

tersebut bermula jam 9.00 pagi dan telah dirasmikan oleh

Pengerusi

PUSPANITA

Cawangan Kementerian Pengangkutan (MOT) iaitu YBhg. Datin Maisarah binti Mokhtar dan turut dihadiri oleh Timbalan Pengerusi 1 iaitu YBhg. Datin Seri Sity Mazlina binti Ahmad dan AJK Tetap iaitu Datin Hj. Zalina binti Bakar. Seramai 30



ahli turut hadir membantu menjayakan program ini. Selain itu, program ini turut dihadiri oleh wakil Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) En. Md Nor dan wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Mohd Zairie bin Md Isa.





Objektif program ini adalah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim di antara pengurusan tertinggi PUSPANITA Cawangan MOT dengan ahli-ahli disamping memupuk semangat saling bantu membantu dan bekerjasama di kalangan ahli. Program yang pertama kali dianjurkan bersama masyarakat Orang Asli ini juga bermatlamat untuk memberi pengalaman kepada ahli-ahli PUSPANITA untuk mengenali dengan lebih dekat kehidupan masyarakat Orang Asli.

Melalui program ini juga, ahli-ahli PUSPANITA mendapat pendedahan mengenai budaya dan cara hidup masyarakat Orang Asli.

Program sehari ini telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Batin Kg. Paya Lebar iaitu Encik Aning a/l Embong diikuti dengan ucapan daripada Pengerusi PUSPANITA Cawangan MOT. Gimik pelancaran program ini



dibuat mengikut adat dan budaya masyarakat Orang Asli iaitu dengan pemakaian Dendan, iaitu hiasan kepala dan badan kepada Pengerusi PUSPANITA Cawangan MOT.





Selepas itu, agihan sumbangan berupa barangan keperluan dapur telah dibuat kepada 70 ketua rumah penduduk Kg. Orang Asli. Aktiviti-aktiviti lain yang dilaksanakan adalah dengan memfokus kepada semua peringkat penduduk kampung bertujuan bagi

memastikan semua pihak terlibat seperti Demonstrasi Masakan dan Sukaneka. Program berakhir pada pukul 12.30 tengahari.



Disediakan Oleh

RAC dan MIROS

PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan

LAPORAN AKTIVITI

KEJOHANAN 10PIN BOLING ANJURAN PUSPANITA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

TARIKH: 23 OGOS 2019

TEMPAT: ARL ALAMANADA, PUTRAJAYA

Pada 23 Ogos 2019, PUSPANITA Jabatan Pengangkutan Jalan telah menganjurkan Kejohanan 10Pin Boling kepada ahli PUSPANITA di bawah Kementerian

Pengangkutan Malaysia. Kejohanan telah diadakan di ARL, Alamanda bermula jam 3.00 petang

dan telah disertai seramai 80 orang pemain dan 12 orang VIP yang merupakan wakil Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Pengangkutan.



Kejohanan tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Datin Maisarah binti Mokhtar, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dengan acara kemuncak adalah balingan perasmian oleh YBhg. Datin Pengerusi.



Sebanyak 13 kumpulan telah bertanding dalam kejohanan tersebut. Pemain telah bermain sebanyak 3 permainan setiap orang dan jatuhan pin adalah mengikut 4 kategori yang telah ditetapkan iaitu:

- i. Berkumpulan tempat 1 hingga 5
- ii. Individu tempat 1 hingga 10
- iii. Jatuhan Pin Tertinggi 1orang pemain
- iv. Pemain Harapan 1 orang pemain

Upacara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Datin Pengerusi setelah selesai acara pada jam 5.00 petang.



Disediakan Oleh

Jabatan Pengangkutan Jalan
PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan

LAPORAN AKTIVITI

BEAUTY CLASS WARDAH 'ZERO TO BASIC'

TARIKH: 6 SEPTEMBER 2019

TEMPAT: BILIK HARMONI, KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN MALAYSIA

PUSPANITA Cawangan
Kementerian
Pengangkutan Malaysia
(MOT) telah
menganjurkan Beauty
Class Wardah 'Zero To
Basic'. Kelas tersebut
dikendalikan oleh wakil



daripada Wardah Cosmetics dan telah disertai oleh 20 orang ahli termasuk Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), YBhg. Datin Maisarah Binti Mokhtar dan Timbalan Pengerusi 2, YBhg. Datin Seri Sity Mazlina Binti Ahmad. Kelas tersebut dibuat secara kumpulan



kecil bagi memastikan semua pesertanya dapat perhatian daripada wakil Wardah.

Pihak Wardah berbesar hati memberi hadiah kepada 4 peserta yang berjaya menerapkan semua ilmu yang diajar. Selain itu, pihak Wardah juga membuka booth jualan produk Wardah.



Disediakan Oleh

PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan

LAPORAN AKTIVITI

BUKIT JUGRA LIGHTHOUSE FUN WALK 2019

TARIKH : 18 OKTOBER 2019

MASA : 0700 PAGI – 2.45 PETANG

TEMPAT : BUKIT JUGRA, BANTING, SELANGOR



Pada 18 Oktober 2019, PUSPANITA Jabatan Laut Malaysia (JLM) dengan kerjasama PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan (MOT) telah menganjurkan *Bukit Jugra Lighthouse Fun Walk 2019* di Banting, Selangor. Penganjuran ini merupakan julung-julung kalinya dibuat memandangkan Rumah Api tersebut merupakan salah sebuah daripada 43 buah Rumah Api di bawah seliaan

Jabatan Laut. Rumah Api Bukit Jugra ini terletak ketinggian 146 m dari aras laut dan mempunyai struktur ketinggian 25 meter dan merupakan salah satu rumah api berkembar berbanding rumah-rumah api lain yang sedia ada. Lokasi menghadap Selat Melaka dan berdekatan muara Sungai Langat, kini dimajukan sebagai kota maritim.



Rumah Api ini juga merupakan destinasi riadah atau perkelahan warga kota dan penduduk tempatan. Tapak Rumah Api Bukit Jugra sering dijadikan lokasi sukan ekstrem, paragliding. Selain itu, tarikan lain di Bukit Jugra antaranya Kompleks Makam Diraja Selangor.

Pendaftaran telah diadakan di kaki Bukit Jugra dengan pengagihan cenderamata berupa payung, bag, roti dan air mineral untuk semua peserta sekitar antara jam 0730 hingga 0830 pagi dan kemudiannya dimulainya dengan acara Zumba yang dibawa khas daripada MOT.



Selepai acara Zumba, telah diadakan taklimat ringkas dan bacaan Doa oleh Puan Nasra Zainuddin selaku Ketua Induk Larian Jugra Fun Walk 2019. Peserta dilepaskan sekitar jam 0930 pagi.



Jarak untuk mendaki tersebut mengambil masa antara satu hingga satu setengah jam. Pada acara tersebut telah disediakan sejumlah 10 medal untuk yang terpanas bagi kedudukan 1 hingga 10. Seramai 9 orang wakil JLM telah mendahului acara larian tersebut dan seorang peserta MOT berada dikedudukan No. 8. Setelah selesai acara larian tersebut, semua peserta dihidangkan dengan sarapan pagi.

Sekitar jam 1030 pagi, semua peserta telah diberikan taklimat berhubung Rumah Api, Bukit Jugra oleh juruteknik yang bertugas. Selesai taklimat, para peserta juga diberi kelonggaran

untuk menaiki ke atas rumah api tersebut. Di mana peserta yang berjaya menaiki ke atas rumah api akan diberikan segulung sijil penghargaan di atas kejayaan menaiki ke atas rumah api tersebut.



Untuk makluman juga, selain sijil penyertaan menaiki rumah api setiap peserta yang menyertai *Bukit Jugra Lighthouse Fun Walk 2019* juga telah disediakan sijil penyertaan. Dalam program tersebut juga telah diadakan pertandingan sukaneka antara peserta. Sebanyak 3 acara sukaneka telah

dipertandingkan dan pelbagai hadiah menarik telah disediakan untuk pemenang-pemenang bertuah untuk dibawa pulang.

Selain daripada itu, sepanjang majlis berlangsung telah diadakan juga sesi Cabutan Bertuah. Sebanyak 33 hadiah cabutan bertuah telah disediakan.





Di dalam program tersebut juga telah diselitkan Majlis Perpisahan dengan tayangan video dan persembahan nyanyian oleh wakil PUSPANITA Cawangan MOT khas buat YBhg. Datin Maisarah, Pengerusi PUSPANITA Cawangan MOT yang telah bertukar ke JPA secara rasminya pada 1 Oktober 2019 atas pertukaran YBhg. Datuk KSU sebagai KPPA di JPA. Majlis tamat dan

bersurai sekitar jam 1230 tengah hari. Semua peserta dihidangkan jamuan makan tengah hari sebelum bergerak pulang.



Disediakan Oleh

Jabatan Laut Malaysia
PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan

LAPORAN AKTIVITI

TAKLIMAT TAKLIQ DAN HIBAH

TARIKH : 25 OKTOBER 2019
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA, KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN



LAPORAN AKTIVITI

PROGRAM OUTREACH SARINGAN KANSER SERVIKS SERTA CERAMAH KANSER SERVIKS DAN KESIHATAN KANAK-KANAK

TARIKH : 6 DISEMBER 2019
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA, KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN





LAPORAN KEWANGAN



**LAPORAN PENYATA KEWANGAN PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA
WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (PUSPANITA)
CAWANGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Secara keseluruhannya prestasi kewangan PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan menunjukkan **lebih pendapatan sebanyak RM31,310.54** pada tahun berakhir 31 Disember 2019.

Geran peruntukan daripada PUSPANITA Kebangsaan sebanyak RM27,100 menunjukkan pengurangan sebanyak RM32,900 berbanding daripada tahun 2018. Keadaan ini sedikit sebanyak menjejaskan pelaksanaan aktiviti yang telah dirancang sepanjang tahun 2019. Bagi menambah dana, PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan telah menganjurkan Majlis Hi-Tea dan mengeluarkan surat memohon sumbangan daripada pihak Pengurusan Tertinggi serta agensi di bawah Kementerian Pengangkutan. Selain itu, aktiviti sewaan tapak niaga melalui jualan mingguan setiap hari Rabu juga amat menggalakkan dengan kenaikan sebanyak 74%.

Sebanyak RM55,510 telah dibelanjakan pada tahun 2019 bagi menjalankan aktiviti/program yang melibatkan semua ahli-ahli PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan. Sekalung tahniah kepada ahli-ahli PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan yang terus memberikan sokongan padu terhadap program dan aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019. Semoga tahun 2019 yang baru saja melabuhkan tirainya dapat memberikan kita banyak kenangan dan pengajaran di dalam meniti arus kehidupan ini.

Akhir kata, Setinggi-tinggi penghargaan buat semua AJK yang telah bertungkus lumus menjayakan aktiviti bagi tahun 2019. Perancangan kewangan yang baik telah membantu menjayakan semua aktiviti yang telah dirancang dan seterusnya dapat dijalankan dengan jayanya.

Semoga PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan terus aktif dalam menjana ekonomi Persatuan dan kekal relevan pada tahun 2020 dan mendatang dalam memacu perubahan diri, keluarga, dan kerjaya wanita hari ini.

“WANITA SEPAKAT, NEGARA MENINGKAT”


RIHAIDA BINTI NAIM
Bendahari PUSPANITA
Cawangan Kementerian Pengangkutan

PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2019


	Nota	RM	2019 (RM)	2018 (RM)
<u>ASET JANGKA PANJANG</u>				
Pelaburan	1		50,000.00	-
Aset	2		2,990.93	4,112.53
Jumlah Aset Jangka Panjang			<u>52,990.93</u>	<u>4,112.53</u>
<u>ASET SEMASA</u>				
Tunai		584.50		
Bank		82,676.40	83,260.90	114,588.26
Stok	3		2,292.00	532.50
			<u>85,552.90</u>	<u>115,120.76</u>
JUMLAH ASET			138,543.83	119,233.29
Liabiliti:				
Akaun terhutang kepada	4		-	12,000.00
Ekuiti:				
			<u>138,543.83</u>	<u>107,233.29</u>
MODAL AKHIR			138,543.83	119,233.29

Disediakan oleh:


 (RIHAIDA BINTI NAIM)

Bendahari
 PUSPANITA
 Cawangan Kementerian Pengangkutan

Disahkan oleh:




(DATIN NOOR LAILI BINTI HJ HAMZAH)
 Pengerusi
 PUSPANITA
 Cawangan Kementerian Pengangkutan


PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
PENYATA PRESTASI KEWANGAN
SEHINGGA 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 (RM)	2018 (RM)
HASIL			
Sumbangan	5	61,100.00	75,100.00
Aktiviti Ekonomi	6	16,302.35	10,039.00
Taska Permata MOT		-	-
Faedah Pelaburan	7	1,440.15	1,372.68
Aktiviti Puspanita MOT	8	7,808.00	4,847.00
Lain-lain	9	262.94	176.31
Jumlah Pendapatan		86,913.44	91,534.99
BELANJA			
Aktiviti Puspanita MOT	10	49,716.95	51,488.45
Lain - Lain	11	5,885.95	4,010.50
Jumlah Perbelanjaan		55,602.90	55,498.95
Lebihan / (Kurangan) pendapatan atas perbelanjaan		31,310.54	36,036.04

Disediakan oleh:


 (RIHAIDA BINTI NAIM)
 Bendahari
 PUSPANITA
 Cawangan Kementerian Pengangkutan

Disahkan oleh:


 (DATIN NOOR LAILI BINTI HJ HAMZAH)
 Pengerusi
 PUSPANITA
 Cawangan Kementerian Pengangkutan

**PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
PENYATA LEBIHAN / KURANGAN PENDAPATAN TERKUMPUL
PADA TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019**

	2019 (RM)	2018 (RM)
Lebihan / kurangan awal tahun	107,233.29	71,197.25
Lebihan / kurangan dalam tahun	31,310.54	36,036.04
Pelarasan nilai stok		-
Pelarasan Tunai	-	-
Lebihan pendapatan terkumpul pada akhir tahun	138,543.83	107,233.29


Disediakan oleh:



(RIHAIDA BINTI NAIM)
Bendahari

PUSPANITA
Cawangan Kementerian Pengangkutan

Disahkan oleh:



(DATIN NOOR LAILI BINTI HJ HAMZAH)
Pengerusi

PUSPANITA
Cawangan Kementerian Pengangkutan

**PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
NOTA KEPADA AKAUN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2019**

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	DEBIT	CREDIT	BAKI
		RM	RM	RM
1	Sijil Pelaburan Wafiyah di Bank Islam Malaysia Berhad No. Sijil : 041686 (22.01.2019) No. Sijil : 041687 (22.01.2019) No. Sijil : 041688 (22.01.2019) No. Sijil : 041689 (22.01.2019) No. Sijil : 041690 (22.01.2019)	10,000.00 10,000.00 10,000.00 10,000.00 10,000.00		50,000.00
	Nota: Sijil diperbaharui secara automatik setiap 3 bulan dengan kadar keuntungan dijangka 4% setahun yang dikreditkan semula ke akaun Pelaburan Wafiyah.			
2	Aset tetap Alatan Taska (Sept 2017) Susutnilai terkumpul Nilai Buku (Usiaguna 5 tahun)	5,608.00	2,617.07	2,990.93
3	Stok Akhir 3.1 T-Shirt Puspanita MOT (28 pcs) 3.2 Pakaian Seragam Puspanita (18 pcs)	672.00 1,620.00		2,292.00
4	Akaun Terhutang Kepada Hasil Taska (Hasil sewaan Taska bagi tempoh Jan 2018 sehingga Jan 2019 telah diserahkan kepada Bahagian Pentadbiran Kewangan, Kem. Pengangkutan melalui cek BIMB421424 bertarikh 17.05.2019)	13,000.00	13,000.00	-
5	Sumbangan 5.1 Sumbangan Puspanita Kebangsaan 5.2 Sumbangan Hi-Tea Puspanita MOT 5.3 Sumbangan Tabung Amal		27,100.00 28,700.00 5,300.00	61,100.00
6	Aktiviti Ekonomi 6.1 Sewa Tapak 6.2 Jualan AGM Puspanita 6.3 Jualan Pra Raya 6.4 Jualan Uniform dan Tshirt 6.5 Kos Jualan	4,570.65	16,345.00 920.00 540.00 3,068.00	16,302.35
7	Faedah Pelaburan (Faedah diterima hasil daripada Pelaburan Wafiyah di BIMB bernilai RM50,000.00 bagi tempoh Sijil bermula 22.01.2019 sehingga 22.10.2019)		1,440.15	1,440.15

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	DEBIT RM	CREDIT RM	BAKI RM
8	Pendapatan Aktiviti			
	8.1 Yuran Penyertaan Hi- Tea		4,540.00	
	8.2 Yuran Penyertaan Halal Hub		198.00	
	8.3 Yuran Penyertaan Lawatan Nasyrul Quran		360.00	
	8.4 Yuran Penyertaan Bowling		780.00	
	8.5 Yuran Penyertaan Mendaki Bukit Jugra		600.00	
	8.6 Jualan Amal Puspanita MOT		1,330.00	
				7,808.00
9	Lain-Lain Pendapatan			
	9.1 Faedah Bank		177.84	
	9.2 Refund perbelanjaan aktiviti tahun 2018 (Lebihan perbelanjaan Ceramah Perdana Disember 2018)		85.10	
				262.94
10	Belanja Aktiviti			
	10.1 AGM Ke-36	12,035.50		
	10.2 Hi-Tea Puspanita MOT	20,621.80		
	10.3 Lawatan ke Nasyrul Quran	300.60		
	10.4 Tadarus dan Khatam Quran	1,945.00		
	10.5 Misi Bantuan Pasir Gudang	579.60		
	10.6 Program CSR Kg Orang Asli Paya Lebar	3,998.00		
	10.7 Mendaki & Melawat Rumah Api Bukit Jugra	3,710.00		
	10.8 Program 10Pin Boling	2,358.55		
	10.9 Program Hibah & Taklik	1,640.35		
	10.10 Program Saringan Kanser Serviks (HPV)	634.00		
	10.11 Karnival Sukan Puspanita Kebangsaan	1,893.55		
				49,716.95
11	Lain-lain			
	11.1 <u>Perbelanjaan Pentadbiran</u>			
	Mesyuarat AJK 2019	1,845.00		
	Caj bank	31.00		
	Token-Juruaudit Luar	458.00		
	Banner Puspanita MOT	369.80		
	Penyelenggaraan Bilik Gerakan Puspanita	512.00		
	Keraian	247.15		
	Percetakan/alat tulis	51.40		
	Deposit-Booking Boat House Kenyir (Retreat)	1,000.00		
	Kos penginapan urusetia -Site Visit Kenyir	250.00		
	11.2 Belanja Susutnilai aset	1,121.60		
				5,885.95

LAPORAN KEWANGAN MENGIKUT AKTIVITI

1. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN KALI KE-36

PERKARA	RM		
	TERIMAAN	BELANJA	LEBIHAN/ KURANGAN
TERIMAAN:			
Peruntukan PUSPANITA MOT	12,103.10		
BELANJA:			
1. Makan minum			
Sarapan pagi (345 pax)		1,725.00	
Minum pagi VIP (23 pax - dome)		115.00	
Makan tengahari (365 pax)		3,650.00	
Caj dome		300.00	
2. Khidmat siaran			
Montaj majlis perasmian		200.00	
Montaj aktiviti Puspanita MOT		350.00	
3. Goodies			
Gelang mutiara sabah (330 set)		3,300.00	
Caj penghantaran		115.00	
4. Hadiah dan cenderahati			
Majlis perasmian		228.10	
Penghargaan AJK (RM50 x 25 org)		1,250.00	
5. Kontigensi			
Bunting/banner 2 set		102.40	
Cetak dan frame gambar		700.00	
	12,103.10	12,035.50	
LEBIHAN PERUNTUKAN			67.60
TERIMAAN MASUK KE AKAUN PUSPANITA MOT			67.60

2. MAJLIS HI-TEA PUSPANITA MOT

PERKARA	RM		
	TERIMAAN	BELANJA	LEBIHAN/ KURANGAN
TERIMAAN:			
Yuran Penyertaan (RM20.00 x 227 peserta)			4,540.00
Peruntukan PUSPANITA MOT	20,640.00		
BELANJA:			
1. Makan minum			
Buffet (RM30.00 x 240 pax)		7,200.00	
Satay ayam & nasi impit (1000 pcs)		1,200.00	
Kambing bakar (2 set)		2,600.00	
Peralatan banquet, dome dll		3,350.00	
Photobooth & hiasan dewan		800.00	
2. Goodies peserta			
Brooch (230 set)		1,452.00	
Plastik bag, paper bag		548.00	
3. Hadiah dan cabutan bertuah			
Hadiah Ratu(Crown,selempang, fresh flower)		150.00	
Cabutan Bertuah (100 pax)		1,995.40	
4. Perkhidmatan siaraya & persembahan			
Penari (Jabatan Penerangan)		200.00	
Montaj		350.00	
PA system, set karaoke		600.00	
Perkhidmatan siaraya dewan		100.00	
5. Kontigensi			
Token jurugambar		50.00	
Bunting		26.40	
	20,640.00	20,621.80	
LEBIHAN PERUNTUKAN			18.20
TERIMAAN MASUK KE AKAUN PUSPANITA MOT			4,558.20

3. LAWATAN KE NASYRUL QURAN DI PUTRAJAYA

PERKARA	RM		
	TERIMAAN	BELANJA	LEBIHAN/ KURANGAN
TERIMAAN:			
Yuran Penyertaan (RM5.00 x 72 peserta)			360.00
Peruntukan PUSPANITA MOT	312.50		
BELANJA:			
1. Cenderahati kepada Nasyrul Quran		89.00	
2. Goodies peserta			
Sandwich (RM2 x 70 set)		140.00	
Mineral water		21.60	
3. Token pemandu		50.00	
	312.50	300.60	
LEBIHAN PERUNTUKAN			11.90
TERIMAAN MASUK KE AKAUN PUSPANITA MOT			371.90

4. MAJLIS TADARUS DAN KHATAM QURAN PUSPANITA MOT

PERKARA	RM		
	TERIMAAN	BELANJA	LEBIHAN/ KURANGAN
TERIMAAN:			
Peruntukan PUSPANITA MOT	2,110.00		
BELANJA:			
1. Hadiah Ketua Pembimbing		50.00	
2. Hadiah Pembimbing (RM30 x 14 pax)		420.00	
3. Pembantu Dewan		50.00	
4. Cenderahati Peserta			
Kain Batik (RM6.00 x 150 unit)		900.00	
Woven bag (RM3.50 x 150 unit)		525.00	
	2,110.00	1,945.00	
LEBIHAN PERUNTUKAN			165.00
TERIMAAN MASUK KE AKAUN PUSPANITA MOT			165.00

5. MISI BANTUAN PASIR GUDANG - ISU PENCEMARAN TOKSIN DI SUNGAI CHINCHIN

PERKARA	RM		
	TERIMAAN	BELANJA	LEBIHAN/ KURANGAN
TERIMAAN:			
Sumbangan Dana Tabung Amal			5,300.00
19.03.2019 - KSU RM300.00			
22.03.2019 - BLPD RM215.00			
22.03.2019 - BPK RM485.00			
22.03.2019 - LP Kuantan RM1,000.00			
22.03.2019 - MIMA RM500.00			
25.03.2019 - SP Pulau Pinang RM1,000.00			
25.03.2019 - LP Kemaman RM1,000.00			
19.04.2019 - LP Port Klang RM1,000.00			
Peruntukan PUSPANITA MOT	600.00		
BELANJA:			
1. Belian barangan keperluan			
Biskut		164.30	
Air 100 PLUS		415.30	
(Sumbangan keperluan ini diserahkan kepada PUSPANITA Kebangsaan pada 22.03.2019 untuk disalurkan kepada mangsa yang terlibat)			
	600.00	579.60	
LEBIHAN PERUNTUKAN			20.40
TERIMAAN MASUK KE AKAUN PUSPANITA MOT			5,320.40

Nota: Sumbangan yang diterima daripada penyumbang direkodkan dalam Tabung Amal untuk program Misi Bantuan Kecemasan yang berlaku dalam negara.

**6. PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT (CSR) KG ORANG ASLI PAYA LEBAR,
HULU LANGAT, SELANGOR**

PERKARA	RM		
	TERIMAAN	BELANJA	LEBIHAN/ KURANGAN
TERIMAAN:			
Peruntukan PUSPANITA MOT	4,500.00		
BELANJA:			
1. Sumbangan kepada penduduk kampung Barangan keperluan dapur (70 set)		1,750.00	
2. Aktiviti Sukaneka Peralatan sukaneka Hadiah sukaneka		74.00 303.20	
3. Aktiviti Demonstrasi Masakan Bahan masakan popia nestum Sample kuih popia nestum (6 botol) Token jurumasak		78.00 72.00 50.00	
4. Makan minum Sarapan pagi nasi lemak (250 pax)		1,375.00	
5. Kontigensi Token pemandu (5 orang) Aiskrim kanak-kanak Bateri mikrofon		250.00 39.30 6.50	
	4,500.00	3,998.00	
LEBIHAN PERUNTUKAN			502.00
TERIMAAN MASUK KE AKAUN PUSPANITA MOT			502.00

7. PROGRAM MENDAKI DAN MELAWAT RUMAH API BUKIT JUGRA, SELANGOR

PERKARA	RM		
	TERIMAAN	BELANJA	LEBIHAN/ KURANGAN
TERIMAAN:			
Yuran penyertaan (RM15 x 40 peserta)			600.00
Yuran penyertaan (RM15 x 16 peserta)	240.00		Kontra*
Yuran penyertaan VIP (RM15 x 7 VIP)	105.00		Kontra*
Peruntukan PUSPANITA MOT	3,710.00		
Sumbangan PUSPANITA JLM	479.96		Kontra*
BELANJA:			
1. Tshirt (84 helai)		1,266.00	
2. Makan-minum			
Sarapan pagi - 84 pax		340.00	
Makan tengahari - 84 pax		1,020.00	
Khemah, meja buffet & sarung kerusi		650.00	
3. Goodies - roti & air mineral		134.00	
Goodies - roti & air mineral		27.50	Kontra*
4. Cabutan bertuah - 10 set		257.66	Kontra*
5. Hadiah sukaneka		539.80	Kontra*
6. Zumba MOT - 3 orang		150.00	
7. Kontigensi			
Bouquet flower		100.00	
Token pemandu		50.00	
	4,534.96	4,534.96	
LEBIHAN PERUNTUKAN			-
TERIMAAN MASUK KE AKAUN PUSPANITA MOT			600.00

* Lebihan Perbelanjaan Kontra berjumlah RM824.96 dituntut kepada PUSPANITA JLM

8. KEJOHANAN 10 PIN BOLING DI ARL, ALAMANDA PUTRAJAYA

PERKARA	RM		
	TERIMAAN	BELANJA	LEBIHAN/ KURANGAN
TERIMAAN:			
Yuran penyertaan (RM15 X 52 peserta)			780.00
Peruntukan PUSPANITA MOT	3,994.00		
BELANJA:			
1. Bayaran permainan dan sewaan kasut			
- Game		1,106.00	
- Sewaan kasut RM2.00 x 30 pemain		60.00	
2. Makan-minum			
Minum petang VIP - 5 pax		40.50	
3. Goodies - roti & air mineral		92.20	
4. Hadiah			
Hadiah Kejohanan			
- Plate RM18 x 45 set		810.00	
- Trophy RM32 x 6 set		192.00	
Hadiah Pemain Harapan		9.05	
Hadiah tempat ke10 x 2 pemenang		18.00	
5. Kontigensi			
Reben dan paper bag		30.80	
	3,994.00	2,358.55	
LEBIHAN PERUNTUKAN			1,635.45
TERIMAAN MASUK KE AKAUN PUSPANITA MOT			2,415.45

9. CERAMAH TAKLIK DAN HIBAH

PERKARA	RM		
	TERIMAAN	BELANJA	LEBIHAN/ KURANGAN
TERIMAAN:			
Peruntukan PUSPANITA MOT	1,640.35		
BELANJA:			
1. Bayaran penceramah Pn Rubiah Jaffar		1,500.00	
2. Makan-minum Air mineral dan biskut - 45 pax		52.75	
3. Kontigensi			
Paper bag		17.60	
Token pengacara majlis		50.00	
Cenderahati penceramah		20.00	
	1,640.35	1,640.35	
LEBIHAN PERUNTUKAN			-
TERIMAAN MASUK KE AKAUN PUSPANITA MOT			-

**10. PROGRAM OUTREACH SARINGAN KANSER SERVIKS MENGGUNAKAN
UJIAN HPV**

PERKARA	RM		
	TERIMAAN	BELANJA	LEBIHAN/ KURANGAN
TERIMAAN:			
Peruntukan PUSPANITA MOT	634.00		
BELANJA:			
1. Makan minum			
Nasi lemak ayam goreng - 100 pax		500.00	
Air kotak - 4 boxes		72.00	
2. Kontigensi			
Token pengacara majlis		50.00	
Plastik bungkus makanan		12.00	
	634.00	634.00	
LEBIHAN PERUNTUKAN			-
TERIMAAN MASUK KE AKAUN PUSPANITA MOT			-

**11. KARNIVAL SUKAN PUSPANITA KEBANGSAAN SEMPENA AGM PUSPANITA
KEBANGSAAN KE 37**

PERKARA	RM		
	TERIMAAN	BELANJA	LEBIHAN/ KURANGAN
TERIMAAN:			
Peruntukan PUSPANITA MOT	1,893.55		
BELANJA:			
1. Bayaran 1 meja dinner		1,500.00	
2. Kejohanan Futsal Lelaki		200.00	
3. Kejohanan Boling Wanita		120.00	
4. Kejohanan Boling Piala YDP Puspanita		30.00	
5. Kontigensi: Air mineral utk peserta futsal		43.55	
	1,893.55	1,893.55	
LEBIHAN PERUNTUKAN			-
TERIMAAN MASUK KE AKAUN PUSPANITA MOT			-

**LAPORAN PEMERIKSA KIRA-KIRA MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA (PUSPANITA)
CAWANGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**


Penyata Kewangan PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah diperiksa mengikut Perkara 23 Perlembagaan PUSPANITA.

2. Pada pendapat kami, Penyata Kewangan ini telah diselenggara dengan teratur dan kemaskini mengikut pekeliling dan peraturan kewangan yang berkaitan.

3. Penyata Kewangan ini juga telah memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan PUSPANITA Cawangan Kementerian Pengangkutan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.



.....
ARPAH BINTI JAIS @ HJ MHD DAHLAN
Pemeriksa Kira-Kira I
PUSPANITA
Cawangan Kementerian Pengangkutan



.....
SYAHRIAH BINTI SAMSUDIN
Pemeriksa Kira-Kira II
PUSPANITA
Cawangan Kementerian Pengangkutan



PENGHARGAAN

PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

No. 26, Jalan Tun Hussein
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

